

TARIKH	SABTU, 13 OGOS 2022
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	PBB GESA HENTI KEGIATAN TENTERA DEKAT LOJI NUKLEAR
M/S	28
BIDANG	NUCLEAR POWER PLANT
KATA KUNCI	ZAPORIZHZHIA, UKRAINE, UN, IAEA

Krisis Russia-Ukraine

PBB gesa henti kegiatan tentera dekat loji nuklear

Moscow, Kyiv digesa benar pakar antarabangsa periksa kerosakan di Zaporizhzhia

New York: Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memberi amaran bahawa kegiatan ketenteraan berdekatan loji kuasa nuklear terbesar Eropah di tenggara Ukraine kini semakin membimbangkan.

Ketua nuklear PBB, Rafael Grossi, menegaskan kegiatan tentera dengan memeralatkan loji nuklear sebagai perisai berisiko menyebabkan kesan buruk di rantau itu dan menggesa semua pertempuran dihentikan di situ.

Beliau turut menggesa Rusia dan Ukraine, yang menuding jari antara satu sama lain

sebagai dalang serangan di loji itu, segera membenarkan pakar nuklear antarabangsa memeriksa kerosakan dan menilai tahap keselamatan di fasiliti Zaporizhzhia.

Beliau juga menuntut tindakan ketenteraan 'yang berisiko membahayakan keselamatan nuklear walau sekecil mana pun' untuk dihentikan.

Rayuan itu selaras dengan kenyataan Setiausaha Agung PBB, Antonio Guterres semalam, yang menggesa semua kegiatan ketenteraan di loji Zaporizhzhia ditamatkan, kerana sebarang kerosakan boleh membawa kepada malapetaka di kawasan lebih luas.

Grossi, yang juga Ketua Pengarah Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA), memberi penerangan secara maya kepada Majlis Keselamatan PBB (UNSC) pada sidang yang diadakan

oleh Russia untuk berbincang dakwaan serangan Ukraine di loji itu.

Kenyataan bercanggah

Meskipun loji di bandar Enerhodar itu dikawal Russia sejak awal Mac lalu, kakitangannya yang terdiri daripada warga Ukraine masih terus memantau operasi seharian di loji berkenaan.

Menurut Grossi, kenyataan daripada Russia dan Ukraine kerap bercanggah antara satu sama lain dan IAEA tidak dapat mengesahkan fakta penting, melainkan dibenarkan melawat Zaporizhzhia.

Dalam temu bual dengan *Associated Press (AP)* minggu lalu, Grossi berkata, keadaan di Zaporizhzhia kini 'sudah di luar kawalan' dan beliau sedia mengetuai pasukan bagi melakukan pemeriksaan di loji nuklear berkenaan 'dalam masa terdekat'.

Duta Russia, Vassily Nebenzia, memberitahu UNSC bahawa 'serangan jenayah Kyiv di infrastruktur nuklear mendedahkan dunia kepada malapetaka nuklear'.

Duta Ukraine ke PBB, Sergiy Kyslytsya pula menuduh Russia menggunakan perancangan terusun untuk menipu, mensabotaj dan menyembunyi' serangan di Zaporizhzhia, yang mencetuskan ancaman keselamatan nuklear pada Ukraine, Eropah dan seluruh dunia.

Syarikat Ukraine yang mengendalikan loji itu, Enerhoatom, memaklumkan terdapat serangan terbaru oleh Russia terhadap fasiliti Zaporizhzhia dan bangunan berhampirannya semalam.

"Sekurang-kurangnya lima serangan direkodkan oleh pejabat pentadbiran loji ini, berdekatan tapak pengimpalan dan stor menyimpan bahan sumber radiasi.

"Hanya rumput yang terbakar di kawasan kecil tetapi tiada sesiapa yang cedera," kata Enerhoatom dalam paparan di rangkaian Telegram rasminya. AP



Rafael Grossi

DISEDIAKAN
OLEH

1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
2-CARLOS LINTON (S19), BPM
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM